


KATA PENGANTAR



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

Tahun 2020 akan menjadi tahun terakhir Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Ia juga menjadi tahun asas kepada Kerajaan dalam menetapkan hala tuju RMKe-12 (2021 – 2025) yang berteraskan kepada wawasan atau agenda "Kemakmuran Bersama". Dalam kesungguhan untuk mencapai pertumbuhan dan kedinamikan ekonomi, ketidakseimbangan peluang dalam ekonomi perlu ditangani bagi mewujudkan asas yang saksama dalam pembangunan negara.

Sektor swasta memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama. Pelbagai inisiatif yang diterajui pemain industri dalam perkongsian R&D, pemindahan teknologi dan kemahiran serta pelaburan infrastruktur berpotensi untuk merangsang pembangunan, meningkatkan produktiviti, mewujudkan pekerjaan berkualiti, memperkukuh kemahiran dan menggalakkan kemajuan teknologi.

Di samping itu, syarikat Malaysia perlu meningkatkan keupayaan dan sumber untuk bersaing dengan jayanya dalam era Industri 4.0. Penggunaan teknologi digital kini penting untuk meningkatkan produktiviti, mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dan meneroka model perniagaan baharu yang bernilai tambah tinggi. Syarikat tempatan juga perlu lebih berani dalam menjalin kerjasama dengan pelabur asing melalui kolaborasi yang memberi manfaat bersama seterusnya membuka peluang pasaran baharu dan memperkenalkan kaedah menjalankan perniagaan.

Kerajaan pula akan terus komited dalam melaksanakan pembaharuan institusi terutamanya dalam bidang berkaitan tadbir urus dan kewangan awam yang bertujuan untuk memulihkan semula keyakinan rakyat terhadap institusi awam. Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Bajet di bawah Parlimen merupakan antara langkah penting bagi menambah baik mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran Kerajaan. Selain itu, Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 akan menjadi rujukan utama kepada semua agensi kerajaan bagi memperkukuh integriti dan tadbir urus dalam usaha memerangi rasuah. Inisiatif tersebut dijangka dapat meningkatkan keyakinan pelabur dan menambah baik iklim pelaburan di Malaysia.

Kerajaan perlu menguruskan dasar fiskal secara efektif bagi mencapai keseimbangan antara menyokong pertumbuhan ekonomi dengan memastikan hutang dan liabiliti negara kekal mampan. Memandangkan sumber adalah terhad, maka pengagihan sumber perlu dioptimumkan mengikut keutamaan sosioekonomi di samping mengekalkan ruang fiskal yang mencukupi.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan untuk menangani isu berkaitan kewangan awam termasuk langkah mengoptimumkan perbelanjaan, meneroka sumber hasil baharu yang mampan dan memastikan pelbagai inisiatif fiskal dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kerajaan juga telah menubuhkan beberapa jawatankuasa bagi menambah baik asas kutipan hasil dan merangka dasar pengurusan hutang yang lebih mampan.

Penggubalan undang-undang berkaitan tanggungjawab fiskal dan perolehan kerajaan seperti yang telah diumumkan akan meningkatkan kredibiliti dan akauntabiliti kewangan awam. Selain itu, Kerajaan akan beralih sepenuhnya kepada perakaunan akruan menjelang 2021 bagi memastikan pelaporan hutang dan liabiliti yang lebih telus. Inisiatif tersebut di samping tadbir urus yang baik akan mewujudkan ruang fiskal baharu untuk melaksanakan langkah kitaran balas mengikut keperluan.

Berlandaskan semangat inklusiviti dan kemakmuran bersama, Kerajaan akan terus berusaha untuk melaksanakan semua inisiatif yang dijanjikan. Meskipun berhadapan pelbagai cabaran dan rintangan, Kerajaan akan memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara.

Terima kasih.



DR MAHATHIR BIN MOHAMAD

11 Oktober 2019